

BN dukung politik perpaduan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Barisan Nasional mendukung politik perpaduan yang berpandukan semangat kebangsaan, menentang eksploitasi agama untuk muslihat politik dan eksploitasi kaum untuk kepentingan politik.

Menurut manifesto Barisan Nasional 1982 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, hari ini, Barisan Nasional menentang politik perpecahan yang menimbulkan ketakutan orang ramai yang memeralatkan agama dan semangat perkauman untuk membangkitkan kebencian satu puak terhadap puak yang lain sebagai helah politik perpecahan.

"Bagi kami, yang penting ialah membina jambatan perhubungan, bukan tembok pemisah, perpaduan rakyat, bukan melaga-lagakan ayah dengan anak, kampung dengan kampung, kaum dengan kaum.

"Kami berpegang teguh kepada prinsip bahawa perpaduan adalah asas kekuatan, perpecahan membawa kecelakaan", tegas manifesto tersebut.

Dibantu

Manifesto itu menyatakan bahawa Barisan Nasional juga mendukung keadilan masyarakat, mendukung negara berlandaskan nilai-nilai rohaniah dan mendukung Kerajaan yang *Bersih, Cekap dan Amanah*.

"Kami mendukung keadilan masyarakat — pendirian kami ini seharusnya sudah cukup jelas kepada seluruh masyarakat. Tetapi oleh kerana begitu sekali perasaan perkauman telah diperalatkan, kami perlu menegaskan sekali lagi bahawa Barisan Nasional memperjuangkan keadilan masyarakat untuk seluruh rakyat.

Mereka yang paling memerlukan bantuan mesti dibantu dengan secukupnya. Tidak ada kaum yang mesti terbiar mundur. Seluruh masyarakat mesti dimajukan.

Dasar Ekonomi Baru mempunyai dua tujuan besar:

- Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, dan

- Mengurangkan serta menghapuskan pengenalan sesuatu kaum dengan bidang ekonomi yang tertentu.

"Kami akan terus memerangi kemiskinan. Kami berpegang teguh kepada azam kami untuk menjamin supaya kekayaan negara ini dibahagi-bahagikan secara adil kepada seluruh rakyat.

"Seluruh rakyat Malaysia harus sedar

bahawa kami tidak akan menyeleweng dari usaha menegakkan keadilan masyarakat; kerana tanpa keadilan masyarakat, tidak ada keamanan, tidak ada kestabilan politik, tidak ada masa depan. Kemakmuran kita akan hancur menjadi debu", kata manifesto tersebut.

Insaf

"Kami mendukung negara berlandaskan nilai-nilai rohaniah — banyak negara telah insaf bahawa kemajuan ekonomi yang tidak disepadankan dengan nilai-nilai kerohanian yang tinggi dan akhlak yang teguh hanya melahirkan masyarakat yang tidak berkesopanan. Hidupnya tidak ada erti, tidak ada pedoman.

Inilah akibat nafsu kebendaan yang mesti dielakkan. Hidup moden tidak bererti hidup kebarat-baratan. Kita mestilah meneruskan usaha memperkukuhkan nilai-nilai tradisional kita yang bercorak Malaysia.

"Kami bertekad dan berazam hendak membina suatu bangsa yang gagah berdiri di atas landasan kerohanian yang kukuh", tegas manifesto itu lagi.

"Kami mendukung Kerajaan yang *Bersih, Cekap dan Amanah* — Kerajaan mesti berkhidmat untuk rakyat, jika tidak, wujudnya tidak bermakna. Untuk menjalankan perkhidmatan ini, Kerajaan mestilah bersih. Ia mesti cekap dan ia mesti amanah.

"Kami berpendapat bahawa di Malaysia tidak ada tempat bagi rasuah — dalam apa bentuk sekalipun. Tidak ada tempat bagi mereka yang malas, yang tidak berdisiplin, yang tidak cekap dan yang tidak berkesan.

"Yang rasuah akan diberkas dan dihukum. Kami akan berusaha dengan segala daya untuk menjamin supaya setiap peringkat pentadbiran menjalankan tugas dan kewajipannya secara cekap dan berkesan," tegasnya lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia